

Kem Super Tahfiz sedia pengisian berkualiti

KUALA LUMPUR - Sebuah syarikat berteraskan pengembangan pendidikan dan pembangunan modal insan Islam, Persada Al Islah menganjurkan Kem Super Tahfiz Mega 2017 bermula Isnin lalu hingga 14 Disember depan.

Penganjurnya, Saiful Islam Mohamad Naser, berkata, penganjuran kem tersebut adalah salah satu cara untuk berdakwah sambil beramal selain meningkatkan pembinaan sekolah tahfiz di negara ini.

"Kita mengenakan bayaran penyertaan yang berpatutan iaitu sebanyak RM199 untuk dua minggu dan RM250 (tiga minggu) setiap seorang.

"Selain memperoleh manfaat yang berguna sepanjang kem ini, para peserta juga berpeluang melakukan amal jariah apabila sebahagian hasil kuti-

KEM Super Tahfiz Mega 2017 berlangsung di beberapa lokasi terpilih.

pan akan disalurkan bagi pembinaan Akademi Tahfiz Al Islah di Kampung Jijan, Nilai Negeri Sembilan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Akademi Tahfiz itu yang dijangkakan siap pembinaannya awal Januari depan bakal menempatkan 30 pelajar tahfiz.

"Justeru, pihak kami mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kem Super Tahfiz Mega ini bagi mencari dana membiayai pembinaan tersebut," ujarnya.

Katanya lagi, kem tersebut bakal diadakan di empat lokasi iaitu di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (Masjid Besi) di Putrajaya, Masjid Universiti Putra Malaysia (Serdang), Masjid Sultan Abdul Samad, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Sepang) dan Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia, (Bangi).

Turut hadir pada program itu adalah pendakwah terkenal seperti Imam Muda Syed Faris, Imam Muda Asyraf, Ustaz Safuan Pamidi dan Sahib Pamidi. Orang ramai boleh menghubungi talian 016-2600 098 untuk mendapatkan maklumat lanjut.